

15/10/2003

Malaysia beri sumbangan besar kepada negara Islam

Kadir Dikoh

PEMBABITAN Malaysia dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) bermula sejak awal penubuhannya di Rabat, Maghribi pada 25 September 1969. Sejak itu, Malaysia terus memainkan peranan penting dalam badan yang mewakili 1.6 bilion umat Islam.

Malah, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj dilantik sebagai Setiausaha Agung pertama OIC dan menjelang berakhirnya tempoh perkhidmatan beliau dengan pertubuhan itu pada 1973, Tunku telah menubuhkan Majlis Islam Eropah, sebuah badan yang dianggotai kumpulan minoriti Islam di negara Eropah dan Agensi Berita Islam Antarabangsa (IINA).

Sebagai anggota OIC yang cergas, Malaysia menyertai secara aktif dalam banyak kegiatan pertubuhan itu. Malaysia adalah anggota empat Kumpulan Penghubung OIC mengenai Palestin, Bosnia dan Herzegovina serta Kosovo, Sierra Leone dan Somalia. Malaysia juga dilantik Pengerusi Kumpulan 13 anggota mengenai keganasan.

Pada sidang kemuncak kali ini, perbincangan serius membabitkan kumpulan penghubung OIC itu akan turut diadakan sebagai acara sampingan bagi membincangkan isu seperti Jammu-Kashmir, Barisan Pembebasan Islam Moro di Filipina dan Sierra Leone.

Dalam isu Palestin umpamanya, Malaysia seperti juga beberapa negara anggota OIC, paling lantang memperjuangkan nasib rakyat Palestin. Sebenarnya, penubuhan OIC itu sendiri adalah ekoran masalah Palestin selepas pembakaran masjid Al-Aqsa.

Apa yang menjadi harapan kita ialah sidang kemuncak kali ini dapat merencanakan pelan damai yang konstruktif bagi menghentikan keganasan yang semakin memuncak di dunia Arab.

Nescaya, isu Palestin dijangka mendominasi sidang kemuncak kali ini selain masalah Iraq iaitu satu lagi anggota OIC.

Isu Iraq dijangka terus mendominasi sidang ini dan Malaysia selama ini khuatir OIC akan terus terpinggir jika tiada usaha segera diambil bagi membolehkan pertubuhan itu berperanan penting dalam proses pembangunan semula Iraq.

Jika ini tidak dibuat segera, Kuala Lumpur khuatir OIC terpinggir dan tidak diendahkan, sedangkan yang menjadi mangsa dalam konflik ini ialah sebuah negara Islam. Ini kerana pencerobohan ke atas Iraq itu sendiri memberi banyak kesan sampingan kepada umat Islam sejagat.

Dua isu meruncingkan itu - Iraq dan Palestin sentiasa menguasai setiap pertemuan negara Islam dan ia juga menjadi perbincangan hangat pada Mesyuarat Tergempar OIC di Doha, Qatar Mac lalu yang turut dihadiri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang berucap bagi mewakili Asia ketika itu, sekali lagi merayu negara Islam supaya merapatkan hubungan dan sanggup bekerjasama untuk menghalang serangan ke atas Iraq dan membantu rakyat Palestin, pada saat genting dan mencabar sekarang.

Dr Mahathir menegaskan, untuk sekian lama negara Islam dipinggirkan sehingga keputusan penting yang membabitkan ummah, ditentukan dan dikenakan terhadap mereka oleh orang lain.

"Suara OIC tidak diberi pertimbangan yang sewajarnya kerana kita gagal untuk bercakap dengan satu suara," katanya.

Nada suara itu dijangka terus diulanginya apabila berucap pada sidang kemuncak kali ini.

Amat malang, seruan demi seruan disuarakan Malaysia melalui Dr Mahathir

tetapi negara Teluk tidak pernah sunyi daripada bertelagah sesama sendiri. Malah sebelum perang Iraq lagi, perpecahan di kalangan negara Arab ketara apabila ada yang membenarkan penempatan tentera Amerika Syarikat dan menyediakan kemudahan pangkalan hadapan untuk melancarkan serangan ke atas Baghdad kerana hubungan rapat mereka dengan Washington.

Tidak hairanlah apabila Malaysia kerap dirujuk sebagai negara Islam maju yang boleh dicontohi.

Selain itu, negara ini menjadi tuan rumah kepada beberapa mesyuarat penting OIC dan persidangan sepanjang tahun lalu seperti mesyuarat tergepar Menteri Luar OIC mengenai keganasan (1-3 April 2002), mesyuarat Kumpulan Penghubung OIC mengenai Sierra Leone (13-14 Jun 2002), mesyuarat susulan pegawai kanan Menteri Pelancongan OIC (5-7 September 2002) dan Muktamar Menteri-Menteri Waqaf dan Hal Ehwat Islam ke-7 (6-10 Mei 2002).

Namun, apa yang menjadi harapan Malaysia yang menerajui OIC bagi tempoh tiga tahun akan datang ialah mahu melihat badan itu berfungsi dengan lebih baik dan cekap dengan komitmen serta sokongan semua negara anggota.

Malaysia percaya OIC mempunyai peranan penting untuk mewakili ummah terutama ketika cabaran besar melanda mereka seperti sekarang.

Berikutan itu, pada 2001, sebuah syarikat perunding tempatan, Accenture (M) Sdn Bhd diberi tanggungjawab untuk menjalankan kajian bagaimana mempertingkatkan keupayaan badan dunia itu.

Memang beberapa tahun sebelum ini, Dr Mahathir sudah menyuarakan cadangan itu dan peluang berbuat demikian terbuka luas kali ini apabila Malaysia menerajui OIC bagi tahun akan datang.

Cadangan penyusunan semula OIC itu yang akan dibentangkan pada sidang kemuncak kali ini, akan dibuat melalui dua pendekatan iaitu menumpukan pada sekretariat itu sendiri dan fungsi keseluruhan OIC.

Pertama, sekretariat di Jeddah akan disusun semula untuk mengatasi kelemahan yang menghalang pertubuhan itu daripada berfungsi dengan berkesan. Kedua, memperbaiki cara kerja OIC.

Seperti kata Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Ahmad Fuzi Abdul Razak, Malaysia akan mengambil usaha serius untuk menyusun semula OIC apabila ia mengambil alih sebagai pengerusi pergerakan itu bagi tempoh tiga tahun akan datang.